

16/06/2005

ASMAT-LAMBAK

TERLALU BANYAK KERETA IMPORT BOLEH JEJAS DAYA SAING KERETA NASIONAL

SHAH ALAM, 16 Jun (Bernama) -- Lambakan kereta import murah boleh menjejaskan daya saing kereta nasional, Perodua dan Proton, serta vendornya, kata pengerusi UMW Group Tan Sri Asmat Kamaludin.

Perodua merupakan syarikat sekutu kumpulan UMW.

Asmat berkata demikian sebagai mengulas kenyataan yang dibuat oleh Penasihat Proton dan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa lambakan kereta siap bina (CBU) luar negara ke negara ini di bawah kos menjejaskan daya saing pembuat kereta nasional.

Semasa ditanya sama ada beliau bersetuju dengan kenyataan itu, Asmat berkata: "Sudah tentu saya bersetuju (dengan kenyataan itu), memandangkan bagi pembuat kereta (pengeluar), sekiranya terdapat terlalu banyak kereta murah dibawa masuk, ia mungkin memberi kesan kepada jualan kita," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan UMW Holdings Bhd ke-23 di sini hari ini.

Beliau berkata kereta nasional sepatutnya dilindungi buat masa ini.

"Ia akan menjadi amat sukar untuk kita mencapai keberkesanan kos kerana kita mungkin tidak beroperasi pada tahap skala ekonomi yang terbaik dan mungkin (juga) mempengaruhi vendor kita," katanya.

"Kita mungkin mempunyai jumlah dagangan yang berkurangan dengan implikasi bahawa jika mereka kurang menjual kurang kos mereka akan naik. Jadi semua ini merupakan kesan kumulatif," kata beliau.

Mengenai sama ada kereta yang dibawa masuk diletakkan di bawah kereta yang diisytiharkan atau terlalu banyak Permit Kelulusan (AP) yang diberikan, Asmat berkata: "Bagi kami, kami sepatutnya dilindungi (dan) saya merasakan bahawa kerajaan mengakui yang ia perlu melindungi kami."

Dr Mahathir juga dilaporkan sebagai berkata bahawa setiap negara mempunyai industrinya sendiri untuk dilindungi yang mengganggu usaha Proton memasuki beberapa negara kerana mereka mempunyai peraturan dan permit import tertentu.

Asmat, bagaimanapun, berkata kumpulan menjangka menjual lebih banyak kenderaan Perodua tahun ini berbanding 121,000 unit pada 2004, dengan mencatatkan bahagian pasaran sebanyak 25 peratus dalam keadaan pasaran yang amat kompetitif.

Buat masa ini terdapat 880,000 kereta Perodua di jalan raya.

Secara asasnya UMW Group terlibat dalam perdagangan dan pembuatan pelbagai jenis peralatan ringan dan berat untuk kegunaan sektor perindustrian, pembinaan dan pertanian serta perdagangan dalam alat ganti berkaitan.

Ia juga terlibat dalam menyediakan perkhidmatan kepada sektor minyak dan gas, import, memasang dan memasarkan kenderaan dan penumpang dan komersial, pembuatan alatan dan komponen bagi sektor automotif. -- BERNAMA

TNS FR NHD